

## BAB 5

### PERBINCANGAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Perbincangan Hasil Kajian

Keputusan kajian yang telah diperolehi memperlihatkan terdapatnya konsep kendiri yang positif di kalangan pelajar-pelajar lelaki (54.2%) begitu juga terdapat konsep kendiri yang negatif iaitu sebanyak 45.8%. Di kalangan pelajar perempuan pula, separuh daripada sampel pelajar-pelajar perempuan mempunyai konsep kendiri positif (50%) dan separuh lagi mempunyai konsep kendiri negatif (50%). Ini menunjukkan konsep kendiri pelajar-pelajar lelaki dan perempuan yang terlibat adalah lebih kurang sama atau tiada perbezaan. Dari hasil penganalisaan ujian-t dan khi-kuasa dua, jelas membuktikan tidak ada perbezaan yang signifikan di antara konsep kendiri pelajar-pelajar lelaki dan pelajar perempuan di tiga buah sekolah yang terlibat.

Dapatan ini menyokong hasil kajian Jamiaah Kechut (1985) dan Abdul Razak Abdullah (1988) seperti yang disebut dalam Bab 2 iaitu tidak ada perbezaan yang bererti dalam konsep kendiri di antara pelajar-pelajar lelaki dan perempuan tetapi keputusan ini bercanggah dengan pendapat ahli psikologi seperti Nash (1978) yang mengatakan faktor jantina mempunyai kaitan dengan konsep kendiri. Menurut Nash (1978), seseorang itu akan dinilai dari segi sama ada ia 'lelaki' atau 'perempuan'. Sifat jantina dikatakan mempengaruhi sikap remaja terhadap dirinya dan orang lain. Secara langsung sifat jantina yang berbeza mendorong mereka membentuk konsep kendiri jantina. Mereka diberikan peranan yang berbeza dan ada jangkaan bahawa tingkah laku yang berlainan dihasilkan oleh mereka. Jangkaan-jangkaan ini adalah hasil sifat semulajadi lelaki dan perempuan. Tingkah laku yang berbeza ini seterusnya boleh mempengaruhi minat dan sikap mereka terhadap tingkah laku akademik dan bukan akademik.

Alam remaja adalah merupakan peringkat peralihan di mana pelajar-pelajar sedang mencari-cari identiti kendiri. Hal ini kemungkinan kerana pada peringkat remaja pelajar mula mengalami pergolakan dalam diri mereka. Dalam keadaan ini, pembentukan konsep kendiri pelajar dipengaruhi oleh perkembangan pemikiran, interaksi personaliti yang ada dalam dirinya dan juga pengalaman sosialnya.

Semasa di peringkat remaja, kegagalan pelajar-pelajar untuk menyempurnakan tugas-tugas perkembangan pada amnya memberi kesan negatif kepada konsep dan harga dirinya. Keadaan ini jika tidak dipulihkan akan terbawa-bawa ke peringkat dewasa. Ketika di peringkat awal remaja dan akhir remaja, pelajar-pelajar lebih tertekan kepada bidang pelajarannya di mana mereka perlu menempuh peperiksaan yang penting seperti PMR, SPM dan STPM. Pada tahap ini pelajar-pelajar kurang memberi perhatian terhadap perkembangan diri khusus dari aspek pembinaan konsep kendiri positif. Hampir keseluruhan waktu digunakan untuk akademik. Ini meninggalkan masa yang agak kurang bagi aktiviti-aktiviti yang meliputi aspek pertumbuhan fizikal, emosi, sosial dan moral.

Dari sudut fizikal, remaja mengalami pertumbuhan mendadak. Remaja lelaki semakin tampan dengan pertukaran suara yang semakin kasar dan garau. Remaja perempuan pula semakin jelita dengan tubuh badan yang mulai terbentuk diikuti dengan bertambahnya ketinggian. Ada yang tidak dapat menerima perubahan-perubahan ini hingga menyebabkan keluh kesah, sedih dan kesal. Misalnya remaja perempuan mula bertanya tentang diri mereka: mengapa wajahku berjerawat, kulitku gelap, badanku gempal dan seumpamanya. Mereka sering tidak berpuas hati dengan pertumbuhan yang berlaku, merasa malu dan seterusnya berasa rendah diri.

Pertumbuhan sosial remaja di peringkat umur 16 hingga 18 tahun menyebabkan mereka sangat memerlukan teman-teman sejenis mahupun

yang berlawanan jenis. Perubahan-perubahan kelenjar seks dalam tubuh mendorong kepada kecenderungan untuk mendekati jenis yang lain. Dalam peringkat ini masyarakat masih belum dapat menerima golongan ini kerana dianggap belum matang. Ini menyebabkan beberapa tekanan wujud hingga menyebabkan remaja bertindak keras kerana tidak mendapat penghargaan.

Keadaan persekitaran dan agama yang dianuti menjadi pendorong utama dalam pertumbuhan moral remaja. Segala yang dilihat, didengar, dibaca akan diamati secara mendalam. Di peringkat awal remaja, tingkah laku yang dipamerkan bukanlah mewakili diri tetapi setakat mahu mengambil hati masyarakat setempat. Jadi tidaklah keterlaluan kalau dikatakan bahawa masa remaja itu bermula dari faktor biologi dan akhirnya ditentukan oleh budaya setempat.

Dari segi hubungan konsep kendiri dengan pencapaian akademik pula terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian akademik dengan konsep kendiri. Ini menunjukkan pelajar yang mempunyai konsep kendiri yang positif akan mempunyai pencapaian akademik yang tinggi. Hasil kajian ini menyokong pendapat beberapa pengkaji barat seperti Coopersmith (1959), Bailey dan rakan-rakan (1971) dan pengkaji tempatan seperti Chiam Heng Keng (1976) dan Kamallah Abu (1992). Keputusan analisa khi-kuasa dua bagi menguji perbezaan konsep kendiri mengikut jantina dan pencapaian akademik pula mendapati bahawa terdapat perhubungan yang signifikan antara konsep kendiri mengikut jantina dan pencapaian akademik. Sebanyak 33.3% pelajar-pelajar lelaki yang mempunyai konsep kendiri yang positif menunjukkan prestasi yang baik dalam bidang akademik manakala 66.3% menunjukkan prestasi yang kurang baik dalam akademik berbanding dengan pelajar-pelajar perempuan yang mempunyai konsep kendiri positif sebanyak 67.4% menunjukkan prestasi akademik yang baik manakala hanya 32.6% sahaja yang menunjukkan prestasi akademik yang kurang baik atau lemah. Dari peratusan yang ditunjukkan membuktikan bahawa lebih ramai

pelajar-pelajar perempuan mempunyai pencapaian akademik yang tinggi daripada lelaki dengan konsep kendiri mereka yang positif. Begitu juga sebanyak 9.1% pelajar lelaki yang mempunyai konsep kendiri negatif menunjukkan prestasi yang baik dalam akademik manakala 90.9% menunjukkan prestasi yang kurang baik dalam akademik berbanding dengan pelajar perempuan yang mempunyai konsep kendiri negatif sebanyak 53.5% menunjukkan prestasi akademik yang baik manakala 46.5% menunjukkan prestasi akademik yang kurang baik. Dari peratusan yang diperolehi ini menunjukkan bahawa masih ramai pelajar perempuan yang menunjukkan prestasi akademik yang baik berbanding dengan lelaki walaupun mereka mempunyai konsep kendiri yang negatif.

Oleh itu dapatlah ditafsirkan bahawa di kalangan pelajar-pelajar lelaki, walaupun mereka mempunyai konsep kendiri yang lebih kurang sama dengan pelajar-pelajar perempuan tetapi taraf pencapaian akademik mereka jauh ketinggalan daripada pelajar-pelajar perempuan. Iaitu secara keseluruhan, sebanyak 22.2% pelajar lelaki mempunyai pencapaian akademik yang tinggi dan 60.5% pelajar perempuan mempunyai pencapaian akademik yang tinggi.

Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor dalaman dan luaran yang menyebabkan pencapaian akademik pelajar-pelajar lelaki merosot. Menurut kajian Sprey (1962) pelajar-pelajar perempuan mempunyai cita-cita dan jangkaan yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki (dalam Mohd. Kamaludin, 1993). Ini mungkin disebabkan pelajar-pelajar perempuan tidak mempunyai peluang yang lain untuk memajukan diri selain daripada bidang akademik berbanding dengan pelajar lelaki. Bagi pelajar lelaki sekiranya mereka tidak berjaya dalam bidang akademik mereka masih boleh meneruskan kerjaya dalam pelbagai bidang kemahiran yang bersesuaian dengan sifat kelelakian mereka seperti kemahiran di bidang vokasional, teknikal dan sukan. Ini berbeza dengan pelajar perempuan dimana sekiranya

mereka gagal dalam akademik bermakna hidup mereka akan melarat atau hanya sekadar menjadi surirumah jika mereka berkahwin kelak.

Faktor-faktor lain yang mempengaruhi pencapaian akademik termasuklah minat, sikap dan motivasi pelajar, galakan ibu bapa, bahan pembelajaran, tempoh masa dan cara pembelajaran, sikap dan kaedah pengajaran guru, kemahiran menjawab soalan peperiksaan serta kerjasama antara rakan.

Perubahan sosial melalui masa telah menukar konsep remaja tentang diri dan orang lain. Sekarang mereka lebih bebas tidak seperti dalam tahun 50an dan 60an dimana mereka taat kepada kuasa. Remaja sekarang telah mempunyai pandangan yang kritis terhadap kekuasaan dan perlu dihormati oleh orang dewasa. Mereka kesal diperkecilkan oleh guru dan yang lebih penting mereka mahu dibawa ikut berunding dalam membuat keputusan mengenai kehidupan mereka. Di kebanyakan sekolah-sekolah kata-kata pengetua dan guru-guru adalah undang-undang. Guru-guru bersikap *authoritarian* dan pelajar dikehendaki mematuhi perintah tanpa soalan. Pelajar-pelajar dan remaja sekarang merasa kecewa dengan sistem yang kelihatan bertentangan dengan keperluan-keperluan mereka dan ini mungkin melahirkan "pemberontak-pemberontak bilik darjah" yang selalu menyebabkan masalah disiplin disekolah. Kenakalan seperti merosakkan harta benda sekolah adalah salah satu bentuk tindak balas yang lazim dilakukan. Kenyataan ini disokong oleh kajian Conger (1973) seperti yang disebut dalam laporan kajian Jamiaah Kechut (1985) yang mengatakan bahawa individu yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi lebih bertanggungjawab, menyukai sekolah dan jarang sekali melanggar disiplin sekolah manakala individu yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah kurang berminat untuk belajar, tidak membuat kerja sekolah, bersifat pesimis dan kurang menghormati guru.

Ramai juga pelajar yang tidak berminat untuk belajar atau bosan pergi ke sekolah kerana sistem pendidikan kita yang terlalu mementingkan peperiksaan. Pengajaran dan kaedah yang digunakan oleh guru adalah kaedah untuk lulus peperiksaan. Guru yang mengajar tidak berani lari dari sukatan pelajaran. Bahkan guru tidak lagi bersifat imaginatif dan kreatif dalam menyampaikan pengajarannya. Pergantungan kepada buku teks dapatlah dianggap sebagai kesan tersirat dari penggunaan sukatan pelajaran yang tidak imaginatif oleh guru-guru. Masalah ini juga merupakan satu sebab mengapa pelajar-pelajar ponteng sekolah dan tidak berminat untuk belajar. Aspek-aspek seperti keupayaan, kebolehan, sikap dan minat pelajar juga dikenali sebagai faktor penggerak pencapaian. Pelajar-pelajar yang mempunyai penggerak pencapaian yang tinggi biasanya akan mempunyai pencapaian akademik yang tinggi juga. Ini bermakna pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi secara tidak langsung akan mempunyai sikap yang positif terhadap membuat perancangan masa depan dan akan meningkatkan motivasi dalam diri mereka.

Pembinaan konsep kendiri juga dipengaruhi secara langsung oleh tingkah laku orang lain terhadap individu. Di rumah tingkah laku ibu bapa dan ahli-ahli keluarga yang lain terhadap seseorang individu mempengaruhi konsep kendiri individu tersebut. Antara aspek suasana keluarga yang positif ialah semangat kesepaduan ahli-ahli keluarga, keharmonian keluarga, hormat menghormati antara ahli-ahli keluarga, sayang menyayangi, orientasi rekreasi dan didikan agama serta moral. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam perpecahan keluarga selalunya mempunyai konsep kendiri yang negatif dan seterusnya menyebabkan pencapaian akademik mereka merosot.

Status sosioekonomi (SES) keluarga sebagai peramal yang signifikan terhadap pencapaian akademik dapat dijelaskan melalui peranan pekerjaan ibu bapa, tahap pendidikan ibu bapa dan jumlah pendapatan keluarga. Pekerjaan ibu bapa dan jumlah pendapatan keluarga merupakan satu

ukuran tentang kemampuan ibu bapa menyediakan kemudahan-kemudahan belajar kepada anak-anak. Pekerjaan yang baik selalunya berkaitan dengan pendapatan yang tinggi. Mereka yang berpendapatan tinggi pula lebih mampu menyediakan kemudahan pembelajaran anak-anak mereka seperti membeli bahan bacaan tambahan, menghadiri seminar motivasi dan bengkel teknik menjawab soalan peperiksaan serta menghantar anak-anak ke pusat tuisyen. Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi pula lebih sedar tentang kepentingan anak-anak dan dengan itu akan cuba memastikan bahawa anak-anak mereka akan mendapat pendidikan yang sebaik-baiknya. Kedudukan sosioekonomi yang rendah, disiplin yang longgar dan rumahtangga yang sentiasa dirundung oleh pelbagai masalah boleh menyebabkan pelajar-pelajar merasa rendah diri dan boleh menjadikan pencapaian akademik mereka.

Seperti yang diketahui umum, kedudukan SES orang Melayu adalah pada tahap sederhana dan ada juga yang masih ketinggalan di belakang jika dibandingkan dengan kumpulan etnik yang lain di Malaysia. Walaupun kajian ini tidak mengambil kira etnik pelajar tetapi lebih daripada 60% pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Melayu. Kajian oleh Mohd. Rusli Omar (1976), menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu mempunyai aspirasi yang tinggi untuk berjaya dalam hidup tetapi mereka tidak pula mempunyai keinginan untuk berjaya dalam pelajaran. Jika berjaya pun hanya setakat lulus sahaja dan tidak mahu berusaha untuk mendapat keputusan yang cemerlang. Sikap yang sebegini juga menyebabkan pelajar-pelajar Melayu sering disuarakan oleh pendapat umum sebagai tidak mempunyai cita-cita, malas, tidak melihat keperluan masa depan dan kurang bekerja kuat berbanding dengan pelajar-pelajar Cina. Semenjak zaman berzaman tohmahan seperti itu menghantui orang Melayu sehingga sukar menghilangkannya; malah ada di antara mereka telah mengalah dan menerima sahaja tohmahan tersebut tanpa berusaha

untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa tahanan tersebut adalah tidak benar.

Satu lagi faktor utama dalam menentukan konsep kendiri dan pencapaian akademik ialah kecerdasan (IQ) seseorang individu. Al -Ghazaly mengemukakan teori bahawa pembentukan konsep kendiri seseorang adalah dipengaruhi oleh kecerdasannya dan teori ini telah disahkan oleh kajian Hamid (1990) di mana beliau mendapati kecerdasan pelajar-pelajar mempunyai kesan langsung kepada konsep kendiri bukan akademik dan konsep kendiri akademik mereka. Dalam konteks pembelajaran di sekolah, kecerdasan adalah sebagai petunjuk kepada kebolehan mental dan kebolehan intelek seseorang dalam menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan bidang pelajaran. Oleh yang demikian pelajar-pelajar yang mempunyai kecerdasan yang tinggi didapati mempunyai pencapaian akademik yang tinggi kerana mereka lebih berkemampuan dalam menyelesaikan masalah atau tugas-tugas pembelajaran yang dihadapinya. Sebaliknya pelajar-pelajar yang hanya mempercayai mereka boleh menyelesaikan sesuatu tugas pembelajaran sahaja berkemungkinan besar tidak akan berjaya untuk melakukan tugas-tugas tersebut sekiranya mereka tidak mempunyai kebolehan intelak yang sesuai.

Rakan sebaya juga merupakan salah satu unsur atau agen pembelajaran. Apabila berlaku ketidakhadiran ibu bapa, rakan sebaya akan mengambil alih peranan dalam proses interaksi dan pembentukan konsep kendiri. Pelajar yang berminat terhadap pelajaran sekalipun akan menjadi tidak berminat untuk belajar sekiranya rakan yang didampingi itu terdiri daripada mereka yang mengabaikan pelajaran. Oleh yang demikian seseorang pelajar hendaklah bijak memilih rakan supaya mendatangkan manfaat dalam pelajarannya. Dalam kebanyakan hal, rakan sebaya lebih berpengaruh terutama mengenai cara berpakaian, topik perbualan, rasa bersaing antara satu sama lain dan segala kegiatan lain di luar rumah.

Melalui rakan sebaya mereka dapat mendalamai diri sendiri, mengenalpasti imej kendirinya, memperolehi keselamatan emosional serta identiti diri. Tetapi sekiranya keinginan sosial terlalu tinggi mungkin pelajar tersebut akan lalai dalam segala aspek pembelajarannya. Keadaan ini boleh membawa kepada kemerosotan dalam akademik mereka. Pelajar-pelajar sebegini tergolong dalam golongan yang mempunyai konsep kendiri positif tetapi pencapaian akademik mereka lemah. Dalam kajian ini sebanyak 66.7% pelajar lelaki yang tergolong dalam kumpulan ini manakala hanya 32.6% sahaja pelajar perempuan yang golong dalam kumpulan ini.

Sebaliknya pula ada di antara pelajar-pelajar yang tidak berminat untuk bergaul dengan rakan sebaya mahupun dengan masyarakat sekeliling. Bagi pelajar begini mereka lebih pentingkan akademik daripada kegiatan sosial kerana di peringkat sekolah menengah terdapat beberapa peperiksaan penting yang mesti mereka tempuh. Ini mewujudkan persaingan hebat antara pelajar-pelajar dan mereka inilah yang ingin merebut peluang untuk berjaya dalam akademik sehingga tidak menghiraukan kepentingan sosial. Mereka ini tergolong dalam kumpulan pelajar-pelajar yang mempunyai konsep kendiri yang negatif tetapi pencapaian akademik mereka tinggi. Dalam kajian ini sebanyak 9.1% pelajar lelaki tergolong dalam kumpulan ini manakala 53.5% pelajar perempuan tergolong dalam kumpulan ini. Peratusan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar perempuan lebih mementingkan akademik dan merebut peluang-peluang yang ada demi masa depan mereka berbanding dengan pelajar-pelajar lelaki.

## 5.2 Kesimpulan Kajian

Dari segi jantina tidak wujud perbezaan konsep kendiri antara pelajar-pelajar lelaki dan perempuan. Ini mungkin disebabkan persekitaran pembelajaran yang sama serta tidak wujudnya diskriminasi jantina dan

peluang-peluang yang boleh didapati oleh setiap individu tanpa mengira etnik dan pegangan agama. Pembentukan akhlak yang baik secara langsung akan meningkatkan konsep kendiri dan pencapaian akademik. Oleh itu ibu bapa dan guru mestilah mempunyai pengetahuan tentang konsep kendiri bagi membantu memahami tingkah laku pelajar atau anak-anak mereka. Ibu bapa tidak seharusnya bersikap negatif terhadap pendidikan dan pelajaran anak-anak mereka. Tanpa galakan dari mereka anak-anak tidak akan dapat membina keyakinan diri dan konsep yang positif dalam diri mereka.

(Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar lelaki dan perempuan dan seterusnya kajian ini menunjukkan bahawa tahap mencapaian akademik pelajar-pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar-pelajar lelaki. Kelemahan akademik di kalangan pelajar-pelajar lelaki adalah mungkin disebabkan oleh faktor rakan sebaya dan faktor penggerak pencapaian. Pencapaian akademik yang tinggi di kalangan pelajar perempuan adalah mungkin disebabkan peluang di bidang akademik boleh menjamin masa depan mereka dan juga faktor penggerak pencapaian yang tinggi berbanding dengan pelajar lelaki.)

### 5.3 Implikasi Dan Cadangan Kajian

Sistem pendidikan yang memberi penekanan yang berlebihan terhadap aspek akademik menyebabkan aspek-aspek perkembangan individu yang lain terabai. Hal ini bukan sahaja merupakan fenomena pendidikan di Malaysia tetapi juga berlaku di negara-negara lain. Sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan dan masyarakat yang *exam-conscious* membuatkan falsafah pendidikan negara sukar untuk dicapai. Ini membuatkan pelajar dan guru-guru sentiasa menumpukan perhatian terhadap akademik bagi menghasilkan keputusan peperiksaan yang baik

dan kurang perhatian terhadap pembentukan nilai-nilai murni yang dapat meningkatkan konsep kendiri pelajar-pelajar. Keadaan ini berbeza dengan sistem pendidikan di barat khususnya di Amerika Syarikat yang mana sistem pendidikannya lebih fleksibel dan bersesuaian dengan keupayaan pelajar sebagai individu.

Pelajar-pelajar lelaki harus didedahkan kepada aspek-aspek penggerak pencapaian yang lebih baik melalui kursus-kursus motivasi, kembina semangat, teknik belajar yang berkesan dan cara menjawab soalan peperiksaan supaya dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka. Bagi pelajar perempuan pula, galakan, dorongan dan ganjaran yang setimpal harus diberikan supaya konsep kendiri dan pencapaian akademik mereka sentiasa tinggi.

Ibu bapa disarankan supaya sentiasa memelihara semangat kesepaduan keluarga dan mewujudkan perasaan kekitaan yang erat di antara ahli-ahli keluarganya. Mereka juga hendaklah dapat memahami keperluan anak-anak terutamanya anak-anak yang sedang meningkat remaja. Kasih sayang dan hormat menghormati antara ahli-ahli keluarga adalah digalakkan. Anak-anak juga hendaklah dilatih supaya sentiasa mementingkan dan menepati masa. Mereka juga harus digalakkan supaya boleh membuat keputusan-keputusan mengenai diri mereka sendiri dan sentiasa mengamalkan sifat kemas, cermat dan teratur dalam semua hal. Aspek-aspek di atas mempunyai hubungan yang signifikan dengan konsep kendiri yang positif.

Keharmonian keluarga hendaklah dijaga pada setiap masa. Ibu bapa hendaklah mengelakkan berlakunya pergaduhan di antara mereka atau menunjukkan perasaan marah masing-masing di depan anak-anak. Keadaan ini boleh menimbulkan ketegangan perasaan dan suasana yang tidak selamat di kalangan anak-anak. Segala salah faham hendaklah diselesaikan

dengan sebaik-baiknya. Ibu bapa juga hendaklah mengelakkan diri daripada mengkritik atau memperbesar-besarkan kesalahan anak-anak. Segala kelemahan dan kesalahan yang mereka lakukan hendaklah diselesaikan dengan cara yang tidak merendahkan harga diri mereka. Sebaliknya setiap pencapaian dan sifat-sifat positif yang ditunjukkan perlu diberi ganjaran atau penghargaan secara ikhlas.

Anak-anak perlu diberikan kebebasan yang dibimbing dalam melakukan sesuatu. Mereka sepatutnya diberi peluang untuk menyuarakan pendapat masing-masing serta digalakkan untuk mempertahankan hak-hak mereka. Sekiranya kebebasan anak-anak terlalu dibendung, ia akan mematikan inisiatif dan sifat kreatif mereka. Suasana kekeluargaan di mana ibu bapa terlalu mengongkong anak-anak ini boleh merendahkan konsep kendiri mereka dan mematikan sifat ingin mencuba.

Ibu bapa hendaklah menggalakkan anak-anak supaya berdikari dan mampu menyelesaikan masalah mereka masing-masing. Galakan sedemikian hendaklah disertakan dengan pernyataan harapan ibu bapa terhadap anak-anak mereka kerana ia akan menjadi faktor pendorong kepada mereka. Walau bagaimanapun harapan tersebut mestilah realistik dan bersesuaian dengan kebolehan dan kemampuan anak-anak. Harapan yang terlalu tinggi akan menimbulkan pelbagai tekanan dan sekiranya ia tidak dapat dicapai, anak-anak akan merasa kecewa dan hilang keyakinan diri. Keadaan sedemikian boleh merendahkan konsep kendiri mereka. Harapan yang terlalu rendah pula membuatkan anak-anak terlalu pasif dan merasakan ibu bapa tidak mempunyai kepercayaan terhadap kebolehan mereka. Tingkah laku seseorang khususnya tingkah laku bermasalah adalah berhubung dengan pengalaman yang dilaluinya serta persepsiannya terhadap kendirinya. Tingkah laku bermasalah akan wujud apabila keperluan untuk mendapatkan penghargaan positif tidak didapati oleh seseorang terutamanya daripada orang-orang yang terdekat. Ia juga berlaku apabila terdapat kejadian-

kejadian di mana konsep kendiri yang diperolehi seseorang bertentangan atau tidak selari dengan pengalaman masa kininya.

Ibu bapa juga harus memastikan adanya masa untuk berekreasi bersama anak-anak dengan mengadakan aktiviti seperti perkhemahan, acara-acara sukan, melawat tempat-tempat peranginan dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti sebegini adalah penting kerana ia memberi lebih banyak peluang kepada ahli-ahli keluarga untuk berinteraksi dan berkomunikasi di antara mereka yang seterusnya boleh merapatkan hubungan kekeluargaan. Ibu bapa juga perlu lebih banyak mendengar dan cuba memahami perasaan anak-anak daripada memberi 'ceramah' kepada mereka terutamanya anak-anak yang sedang meningkat remaja. Mereka juga lebih mudah menerima pandangan dan pendapat yang diberikan dalam suasana yang jujur dan penuh kasih sayang.

Beberapa saranan yang telah dikemukakan kepada ibu bapa di atas juga boleh dilaksanakan oleh guru-guru dalam hubungan mereka dengan pelajar-pelajar sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Guru-guru adalah orang kedua pentingnya selepas ibu bapa dalam memberikan didikan kepada anak-anak. Malah kerap dikatakan bahawa sebahagian daripada tugas mendidik anak-anak telah diserahkan oleh ibu bapa kepada guru-guru apabila anak-anak mereka mula memasuki alam persekolahan. Sekiranya guru-guru dapat melaksanakan tugas-tugas mendidik pelajar-pelajar mereka dengan berkesan, besar kemungkinan mereka dapat melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai konsep kendiri dan tingkah laku yang lebih positif.

Berdasarkan hubungan yang wujud di antara kecerdasan pelajar-pelajar dengan tingkah laku mereka, adalah disarankan supaya ibu bapa dan guru-guru sentiasa peka dengan keperluan-keperluan tertentu dalam mendidik anak-anak supaya dapat meningkatkan kemampuan kognitif dan

membolehkan mereka bertingkah laku dengan lebih positif. Terdapat beberapa cara yang dapat membantu meningkatkan kecerdasan anak-anak antaranya ialah:

- Anak-anak hendaklah dibantu dalam menguasai struktur atau hubungan sesuatu dengan perkara-perkara lain. Apabila mereka dapat menguasai keseluruhan hubungan tersebut, mereka bukan sahaja dapat mengingati apa yang dipelajari tetapi dapat menggunakan prinsip-prinsip hubungan tersebut dalam menyelesaikan masalah lain.
- Perasaan ingin tahu anak-anak juga hendaklah dikembangkan melalui pelbagai variasi rangsangan. Ibu bapa tidak seharusnya menekan perasaan ingin tahu anak-anak kerana melaluinylah mereka dapat melatih kebolehan mental dalam mengemukakan alasan-alasan apabila menghubungkan sesuatu kejadian dengan beberapa kejadian lain.
- Anak-anak hendaklah didedahkan kepada pelbagai sekitaran yang baru terutamanya di peringkat awal kehidupan mereka. Pendekatan kepada sekitaran yang baru merupakan kunci kepada perkembangan kecerdasan kanak-kanak kerana ia mewujudkan suasana yang boleh mencabar mereka menggunakan kuasa inteleknya.

Di sekolah guru-guru juga boleh memainkan peranan yang berkesan dalam membantu pelajar-pelajar meningkatkan kecerdasannya. Adalah disarankan supaya guru-guru menggunakan kaedah mengajar yang lebih berorientasikan pembelajaran secara *discovery* atau penemuan sendiri melalui kajian luar, penyelidikan dan eksperimen. Walaupun Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) amat menitikberatkan kaedah pengajaran begini tetapi secara praktikalnya terlalu sedikit guru-guru yang mengamalkannya. Bruner (1960) juga berpendapat apabila pelajar-pelajar

mengamalkannya. Bruner (1960) juga berpendapat apabila pelajar-pelajar digalakkan menyelesaikan masalah mereka sendiri, mereka bukan sahaja

dapat mengembangkan kebolehan menyelesaikan masalah, malah dapat membentuk keyakinan diri dalam menghadapi segala aspek kehidupan.

### **5.3.1 Peranan Sekolah Dan Guru-Guru Dalam Meningkatkan Konsep Kendiri Dan Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar**

Dalam konteks negara kita, Pusat Perkembangan Kurikulum (1987) menyatakan pendidikan adalah satu usaha yang berterusan ke arah perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang. Untuk melaksanakan sesuatu pendidikan, kurikulum yang dirancang bagi memenuhi tujuan-tujuan yang tertentu adalah diperlukan. Menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) para 114, kurikulum ialah satu rancangan pendidikan yang membendung segala ilmu pengetahuan dan kemahiran, nilai-nilai dan norma, unsur-unsur kebudayaan dan kepercayaan yang telah menjadi pilihan untuk diperuntukkan kepada ahli-ahlinya. Peranan kurikulum dalam pendidikan adalah untuk membina perkembangan pelajar-pelajar yang lengkap dari segi jasmani, rohani, intelek dan emosi serta menyemai, menanam dan memupuk nilai-nilai akhlak yang diingini di samping menyampaikan ilmu pengetahuan.

Mengenai kegiatan ko-kurikulum di sekolah, Laporan Kabinet 1979 telah menekankan bahawa kegiatan ko-kurikulum hendaklah dijalankan dalam tiga bentuk yang merangkumi kelab dan persatuan, sukan dan permainan serta pasukan pakalan seragam. Pelajar-pelajar diwajibkan menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti setiap kegiatan tersebut. Kegiatan ko-kurikulum dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah dengan objektifnya memupuk, menanam serta menyemai perasaan kekitaan, bertanggungjawab, berdisiplin, berdikari dan mempunyai kemahiran. Walau bagaimanapun tatacara pengurusan bagi menjayakan kegiatan tersebut secara yang lebih bermakna tidak diberi secara sistematik. Terpulanglah

kepada budi bicara pentadbir sekolah berkenaan. Melalui kefahaman yang jelas terhadap konsep ko-kurikulum, matlamat dan perancangan yang teratur dan menyeluruh adalah diharapkan nilai-nilai yang baik dan murni dapat dibentuk dalam diri pelajar sama ada dalam kegiatan sukan dan permainan, kelab dan persatuan ataupun melalui pasukan pakaian seragam. Nilai-nilai yang ingin dicapai melalui kegiatan ko-kurikulum adalah seperti berikut.

Nilai Murni	Contoh komponen nilai murni
1. Percaya kepada tuhan	bersyukur, bertakwa dan beriman.
2. Beradap dan bersusila	bersopan santun, berbudi bahasa, hormat menghormati (rakan, guru, ibu bapa), berterima kasih dan bersifat sederhana.
3. Taat	patuh pada peraturan, taat menjalankan tugas, taat kepada yang dilarang.
4. Bertanggungjawab	boleh diharap dan dipercayai.
5. Jujur	ikhlas, benar dan amanah.
6. Kawalan Diri	berdisiplin kendiri (boleh mengawal diri sendiri), menjauhkan diri dari melakukan sesuatu yang tidak baik, tabah .
7.Tolong menolong	membantu orang lain, bekerjasama, berperikemanusiaan, simpati, bergotong royong, semangat muhibah, toleransi.
8.Bersih	kebersihan atau kesihatan diri (fizikal, emosi dan mental), kebersihan alam sekitar.

9. Cinta	kasih sayang sesama manusia, belas kasihan dan sanggup berkorban.
10. Fikiran terbuka	rasional, menerima pandangan atau teguran orang lain.
11. Bercita-cita	tekun, rajin berusaha, bersemangat, azam semangat pertandingan yang sihat.
12. Gembira	ceria dan selalu bersyukur.
13. Keberanian	keyakinan diri, tegas, cekal hati, berani kerana benar, adil.
14. Intelek	pandal, tajam fikiran, berkemahiran.
15. Logik	rasional, sistematik, teliti, kebenaran dengan bukti.
16. Berdikari	boleh melakukan sesuatu tanpa bantuan orang lain, percaya kepada kebolehan diri sendiri.
17. Imaginatif	kreatif dan inovatif, berani dan ingin tahu atau ingin mencuba sesuatu yang baik.

Berdasarkan kepada nilai-nilai tersebut ada 17 nilai murni yang hendak ditanamkan di dalam diri pelajar dan nilai-nilai ini akhirnya menjurus kepada menjadikan insan yang harmonis, seimbang, soleh dan mempunyai konsep kendiri yang positif. Justeru itu ketibaan KBSM bukanlah sesuatu yang mengejutkan dalam kegiatan ko-kurikulum di sekolah menengah malah penerapan ini telah ditekankan kepada pelajar melalui mata pelajaran Pendidikan Moral. Adalah diharapkan arah tuju, proses gabung jalin dan kekuatan sistem bersepadu itu akan melahirkan generasi yang intelek, kreatif dan rasional.

### **5.3.2 Penerapan Nilai-Nilai Murni Oleh Guru-Guru.**

Semua guru-guru di sekolah rendah atau menengah di Malaysia haruslah mencuba sedaya upaya dalam menerapkan nilai-nilai murni di atas inisiatif mereka sendiri. Walaupun telah ada Falsafah Pendidikan Negara tetapi tanpa perubahan yang dilakukan oleh guru-guru sama ada dari segi sikap, perbuatan atau tuturkata, maka segala yang diharapkan tidak akan terlaksana. Guru dianggap sebagai model, oleh itu mereka perlulah berusaha agar menjadi model yang baik walaupun diketahui bahawa untuk menerapkan nilai-nilai murni ini bukanlah sesuatu perkara yang mudah.

Guru-guru tidak harus merasa bosan dalam melaksanakan tugas mereka. Tanggungjawab yang telah disediakan hendaklah dipikul bersama demi melahirkan pelajar-pelajar yang berakhhlak mulia dan berilmu pengetahuan. Pengetua merupakan orang yang paling berkuasa dan berpengaruh ketika di kawasan sekolah. Segala masalah yang dihadapi oleh orang-orang bawahannya terutama di dalam hal menerapkan nilai murni, mestilah diambil kira. Galakan yang berupa nasihat, menyediakan keperluan dan menghadirkan diri ketika guru-guru menyampaikan pengajaran disamping menerapkan nilai-nilai murni tersebut mestilah selalu dilakukan. Ini bertujuan agar guru-guru tidak merasa tertekan menghadapi masalah tersebut seorang diri disamping untuk tidak melemahkan semangat mereka. Apa yang banyak berlaku sekarang ialah pengetua hanya memberi arahan agar guru-guru menerapkan nilai-nilai murni tanpa bimbingan dan sokongan moral atau bantuan dari segi kewangan.

Pengetua juga sepatutnya menegaskan kepada guru-guru agar tidak terlalu memaksa diri dengan menghabiskan sukatan pelajaran di dalam jangka waktu yang tertentu. Dengan erti kata lain, guru harus cekap dalam menyampaikan isi pengajaran tertentu di samping menerapkan nilai-nilai murni tersebut di dalam pengajarannya. Guru-guru boleh memilih waktu

dan kaedah yang sesuai yang difikirkan berkesan dalam percubaan menerapkan nilai murni tersebut.

Adalah dicadangkan latihan-latihan kepimpinan pendidikan dipertingkatkan dan penekanan diberi kepada perolehan pengetahuan dan kemahiran para pengetua secara *instructional leader*. Guru Besar dan Pengetua perlu memperbanyakkan program perkembangan staf secara berterusan untuk meningkatkan profesionalisme dan kecekapan guru-guru di sekolah masing-masing.

Menurut bekas Menteri Pendidikan Malaysia, Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud, konsep sekolah penyayang adalah prasyarat kepada pencapaian wawasan sekolah sebagai sumber kecemerlangan dan pusat kejayaan<sup>13</sup>. Semasa melancarkan Penampilan Sekolah Penyayang Peringkat Negeri Sarawak 1994 di Sekolah Menengah Bantuan St. Theresa, beliau berkata seseorang yang penyayang adalah mereka yang bersikap pengasih serta bertimbang rasa, selain diterima potensi dirinya. Justeru itu semua pelajar perlu dikenal pasti kendiri mereka, dibajai, dikembang dan digemblengkan. Setiap individu pelajar perlu dibimbing, dirangsang dan diberikan peluang untuk merasai kejayaan. Sekolah penyayang adalah sekolah yang mempunyai suasana kemesraan, keseronokan untuk belajar, keceriaan dan kegembiraan serta belas kasihan. Matlamat utama sekolah penyayang adalah mengutamakan pertumbuhan manusia yang sempurna manakala matlamat kedua ialah berusaha ke arah mengenalpasti dan memenuhi kehendak pelajar. Para remaja yang merasai mereka diterima oleh rakan-rakan sebaya mempunyai konsep kendiri sosial yang positif sementara para remaja yang merasai mereka diterima oleh guru-guru mereka mempunyai konsep kendiri intelek yang positif. Kenyataan ini disokong oleh kajian Rashidi Azizan dan Abd. Razak Habib (1991) yang

---

<sup>13</sup> Berita Harian, Pelajar Berjaya Jika Disayang : Menteri, 8 April 1994

menyatakan aspek sosial dan intelek mempunyai hubungan positif dengan pencapaian akademik. Begitu juga Staines (1958), dalam kajiannya telah menunjukkan perkaitan yang nyata antara kekerapan hubungan guru dengan pelajar dengan pencapaian akademik. Seterusnya beliau mendapati pengajaran dapat mengubah konsep kendiri pelajar di samping menghasilkan pencapaian akademik yang baik pada masa yang sama.

Beberapa faktor telah dikenal pasti bagi mewujudkan suasana di bilik darjah yang boleh membantu pembentukan konsep kendiri pelajar. Antaranya ialah:

- cabaran yang diberikan apabila peluang mencapai kejayaan adalah tinggi.
- kebebasan untuk mencuba tanpa dimarahi sekiranya gagal.
- hormat dan penghargaan yang diberikan oleh guru apabila pelajar berjaya.
- kemesraan yang diberikan oleh guru yang menjadi penyokong semasa mengalami kesusahan.
- kawalan guru yang tidak menggunakan penghinaan atau deraan.
- menyediakan pengalaman kejayaan lebih banyak daripada pengalaman kegagalan.

Selain daripada kelas biasa waktu persekolahan, pengalaman-pengalaman ini boleh juga diwujudkan dalam kursus atau khemah pembinaan konsep kendiri yang boleh diadakan semasa cuti sekolah. Di sinilah peranan utama pengetua dalam memberi sokongan moral dan bantuan dari segi kewangan.

### **5.3.3 Penerimaan Nilai-Nilai Murni Oleh Pelajar-Pelajar.**

Sebelum menerapkan nilai-nilai murni di kalangan pelajar, pemahaman tentang nilai murni itu adalah sesuatu yang perlu didahulukan. Setelah pelajar memahaminya, segala usaha guru dalam menerapkan nilai-nilai tersebut menjadi lebih mudah dan berkesan. Pelajar-pelajar boleh juga menggunakan ilmu Sains dalam menjalani kehidupan seharian. Nilai-nilai tersebut mendorong mereka memikirkan hubungan mereka dengan Pencipta alam, juga hubungan mereka dengan manusia yang lain dan alam sekitar. Satu kesedaran haruslah wujud dari semua pihak (guru, ibu bapa dan masyarakat) untuk memperbaiki konsep kendiri dan menerapkan nilai murni kepada remaja. Satu cara yang baik untuk membina konsep kendiri yang positif di kalangan remaja ialah dengan meletakkan mereka dalam situasi di mana mereka dapat mengalami kejayaan. Setiap kejayaan memberi sumbangannya kepada pandangan mereka terhadap diri mereka dan akan menjadi panduan kepada tindakan mereka pada masa-masa akan datang.

Akhir sekali adalah di harapkan agar kajian-kajian yang akan datang dapat memilih sampel kajian yang lebih besar dan rawak supaya dapat membuat generalisasi keseluruhan mengenai konsep kendiri dan pencapaian akademik pelajar-pelajar di Malaysia. Dengan adanya gambaran yang jelas ini, di harapkan langkah-langkah yang lebih wajar akan diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan seperti ibu bapa, pihak Kementerian Pendidikan, pengetua, guru-guru dan juga ahli-ahli masyarakat yang lain untuk meningkatkan lagi prestasi akademik pelajar-pelajar kita seterusnya menjadikan mereka warganegara yang lebih berguna dalam pembangunan negara.